

ANALISIS SOKONGAN MENTOR TERHADAP GURU BAHARU

[ANALYSIS OF MENTOR SUPPORT FOR NEW TEACHERS]

NORHUDA ZAINI & NORWALIZA ABD WAHAB¹

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia, MALAYSIA.
e-Mail: E-mail: norhudazaini@gmail.com. drnorwaliza@gmail.com

Corresponding author: norhudazaini@gmail.com

Received: 28 March 2025 | Accepted: 30 April 2025 | Published: 30 May 2025

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menganalisis sokongan guru mentor terhadap guru baharu berdasarkan kajian literatur terdahulu. Sebanyak 10 penulisan yang berkaitan telah dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan untuk mengenal pasti tema utama dan pola sokongan yang diberikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan guru mentor kepada guru baharu terbahagi kepada tiga aspek utama, iaitu sokongan pedagogi, emosi, dan sosial. Sokongan pedagogi merangkumi bimbingan dalam perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah, dan penilaian murid, manakala sokongan emosi melibatkan usaha meningkatkan keyakinan diri serta mengurangkan tekanan kerja. Sokongan sosial pula berkaitan dengan membantu guru baharu menyesuaikan diri dalam persekitaran sekolah dan membina hubungan profesional. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan kepentingan sokongan guru mentor dalam memperkukuhkan pembangunan profesional guru baharu, seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan.

Kata kunci: mentor, guru baharu, sokongan

Abstract: This study aims to analyze the support of mentor teachers to new teachers based on previous literature reviews. A total of 10 related writings were analyzed using a content analysis approach to identify key themes and support patterns provided. The findings show that the support of mentor teachers to new teachers is divided into three main aspects, namely pedagogical, emotional, and social support. Pedagogical support includes guidance in teaching planning, classroom management, and student assessment, while emotional support involves efforts to increase self-confidence and reduce work stress. Social support is related to helping new teachers adapt to the school environment and build professional relationships. In conclusion, this study emphasized the importance of mentor teachers' support in strengthening new professional development, thus contributing to improving the quality of education.

Keywords: Mentor teachers, new teachers, support

Cite This Article: Norhuda Zaini & Norwaliza Abd Wahab. 2025. Analisis Sokongan Mentor Terhadap Guru Baharu [Analysis of Mentor Support for New Teachers]. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 5(2), 43-49.

PENGENALAN

Kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan mentor dalam memberi sokongan profesional yang diperlukan oleh guru-guru baharu. Untuk mengenal pasti peranan mentor untuk guru baharu ini, 10 jurnal berkaitan yang ditulis dari tahun 2018 hingga 2023 telah dianalisis.

Jadual 1: Senarai penyelidikan berkaitan sokongan profesional guru baharu 2018 – 2023

Tajuk Artkel /Jurnal	Penulis	Isi Penting
<i>Building Resilience in Novice Teachers: The Role of Mentoring Programs</i>	• Bruce Johnson & Zoe Downie • <i>Journal of Teacher Education</i>, 2018	Daya tahan guru baharu dan perlunya program bimbingan berstruktur
<i>Mentoring Novice Teachers: A Pathway to Improved Retention and Professional Growth.</i>	• Smith, T., & Ingersoll, R. • <i>Teaching and Teacher Education Journal</i> (2020)	program mentoring sebagai satu strategi untuk membantu guru baharu menghadapi cabaran awal kerjaya mereka.
<i>The Needs Analysis of Supporting Beginning Teachers in schools in Remote Rural areas</i>	• Erawan, P. (2019). The needs analysis of supporting beginning teachers in schools in remote rural areas. • <i>Journal of Teacher Education and Educators</i>, Volume 8, Number 2, 2019, 115-129.	Cabaran yang dihadapi oleh guru baharu ini berada di luar jangkauan program persediaan pra-perkhidmatan di universiti. Program induksi boleh disesuaikan dan diterapkan untuk membantu guru-guru di kawasan pedalaman.
<i>Challenges of Novice Teachers and Strategies to Cope at Secondary Level.</i>	• Ahmed, G., Faizi, W. U. N., & Akbar, S. (2020). • <i>Global Regional Review</i>, Vol 5 (1),403-416.	Cabaran guru baharu iaitu sikap pengetua yang tidak menyokong, kekurangan kemahiran pedagogi dan tingkah laku pelajar mencipta halangan bagi guru baharu untuk melaksanakan tugas mereka dengan lebih baik. Sokongan daripada pengetua dan persekitaran sekolah yang kondusif terbukti berguna dalam membantu guru-guru baharu terus kekal dalam perkhidmatan.
<i>The unique effects of supporting beginning teachers' psychological</i>	• Haya Kaplan • <i>Journal Frontiers in Psychology</i>	sistem sokongan yang diperlukan antaranya komuniti pembelajaran profesional dan


<i>needs through learning communities and a teacher-mentor's support: A longitudinal study based on self-determination theory</i>	25 October 2022	Sec.	proses bimbingan mentor selama tempoh 2 tahun .
<i>Study explores mentoring's connection to new teacher retention.</i>	25 October 2022	Sec.	
Pengalaman Guru Novis dalam Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia"	25 October 2022	Sec.	
Pementoran Dalam Program Pembangunan Guru Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia	25 October 2022	Sec.	
Pengurusan Bilik Darjah Guru Baharu yang Mengikuti Program Induksi Sistem Guru Baharu	25 October 2022	Sec.	
Keberkesanan Bimbingan Pembangunan Profesionalisme Guru Baharu Di Sekolah Berdasarkan Pengalaman Guru Mentor.	25 October 2022	Sec.	

METODOLOGI

Artikel ini merupakan suatu kajian tinjauan literatur yang bertujuan untuk mengkaji program sokongan kepada guru baharu di sekolah. Kajian ini dijalankan dengan menilai 10 artikel yang relevan dan menepati kriteria umum seperti berkaitan sokongan profesional yang diberikan dan kesannya kepada mereka. Artikel-artikel ini diperoleh menerusi pelbagai sumber seperti pangkalan data *Scopus*, *ERIC* dan *Google Scholar*. Setelah melakukan saringan dengan melihat kepada abstrak kajian dan dapatan, 10 artikel yang dipilih dan dikategorikan kepada tiga tema utama iaitu sokongan pedagogi, emosi, dan sosial. Sokongan pedagogi merangkumi bimbingan dalam perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah,

dan penilaian murid, manakala sokongan emosi melibatkan usaha meningkatkan keyakinan diri serta mengurangkan tekanan kerja. Sokongan sosial pula berkaitan dengan membantu guru baharu menyesuaikan diri dalam persekitaran sekolah dan membina hubungan profesional.

Pengkaji juga menggunakan teknik '*snowballing*' iaitu mendapatkan artikel yang berkaitan dengan artikel yang telah diperolehi. Rajah 1 menunjukkan peranan mentor dalam memberi sokongan profesional untuk guru baharu yang diperolehi daripada tinjauan kajian literatur dan ia akan digunakan untuk memandu penulisan artikel ini.



Rajah 1: Sokongan Mentor Kepada Guru Baharu

DAPATAN

Berdasarkan sorotan literatur yang dibuat ke atas 10 kajian berkaitan strategi sokongan untuk guru baharu dalam Jadual 1 di atas, didapati 10 buah kajian menghuraikan sokongan mentor yang diberikan untuk membantu guru baharu mengatasi cabaran yang dihadapi oleh mereka di awal perkhidmatan di sekolah. Di antara kesan yang dinyatakan melalui sokongan mentor ialah dapat membantu dalam pembentukan profesionalisme guru baharu yang cekap, berwibawa dan dapat melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan cemerlang (Juairiah 2020).

SOKONGAN MENTOR

Kajian-kajian lepas menunjukkan program sokongan mentor telah memberi kesan yang positif ke atas profesionalisme guru baharu. Mentor yang berpengalaman akan menjadi sumber utama sokongan emosi guru baharu dengan memberikan motivasi, berkongsi pengalaman mengajar dan menjadi pendengar kepada masalah dan membantu menyelesaikannya. (Faizal, 2021). Sesetengah guru baharu merasa terbeban apabila sokongan profesional yang diberikan oleh mentor tidak sejajar dengan keperluan sebenar mereka.

Kajian oleh Johnson & Downieni (2018) yang menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengkaji keberkesanan pendekatan pementoran mendapati sokongan emosi sangat penting diberikan kepada guru baharu oleh mentor. Guru baharu yang dibimbing mentor menunjukkan penurunan tahap tekanan dan kebimbangan dan menunjukkan peningkatan dalam kemahiran pengurusan bilik darjah dan perancangan pengajaran. Kajian ini juga telah

mencadangkan satu kursus atau bengkel perlu diadakan untuk melatih mentor dalam memberikan sokongan yang berkesan kepada mentee mereka.

Smith, T., & Ingersoll, R. (2020) pula menjalankan kajian berkaitan peranan mentoring dalam meningkatkan daya tahan guru baharu di sekolah dan mendapati sokongan mentor dapat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan mereka dan seterusnya dapat membantu mengurangkan kadar peletakan jawatan guru baharu, kerana mereka merasa lebih diterima dan disokong dalam perjalanan kerjaya mereka. Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru yang terlibat dalam program mentoring lebih berpuas hati dengan pekerjaan mereka. Mereka merasa lebih mampu mengatasi cabaran profesional dan lebih bersemangat dalam kerjaya mereka berbanding mereka yang tidak mendapat sokongan mentor.

Erawan (2019) menjalankan kajian berkenaan sokongan yang diberikan kepada guru baharu di kawasan pedalaman dan kesan program induksi dalam meningkatkan pengajaran. Kajian mendapati seharusnya ada sokongan berterusan untuk guru-guru baru di sekolah-sekolah luar bandar yang terpencil. Program induksi perlu dilaksanakan dan disesuaikan dengan persekitaran guru. Mereka perlu diberikan peluang menghadiri bengkel dan seminar untuk meningkatkan kemahiran dalam pengajaran. Sokongan berterusan dari mentor akan membantu guru baharu mengatasi rasa kekurangan dan meningkatkan keyakinan diri mereka. Ahmed et al. (2020,) yang menjalankan kajian terhadap guru baharu di sekolah menengah di sebuah daerah di Pakistan mendapati sokongan daripada pengetua tidak diperolehi dan kemahiran dalam pedagogi juga kurang. Selain itu, terdapat masalah dalam mengawal tingkah laku pelajar dan menjadi halangan untuk mereka melaksanakan tugas dengan lebih baik. Kajian mencadangkan supaya setiap pengetua di sekolah perlu sentiasa memberi sokongan kepada guru baharu. Kajian turut mencadangkan agar diwujudkan strategi sokongan seperti program pembangunan profesional, memperkenalkan sistem mentor yang lebih mantap, dan meningkatkan kerjasama antara sekolah-sekolah dan komuniti setempat. Tanpa sokongan yang mencukupi, mereka lebih cenderung untuk merasa terasing dan tertekan.

Kajian oleh Kaplan (2022) mendapati bahawa sokongan mentor dapat meningkatkan motivasi intrinsik guru baharu. Selanjutnya kajian ini mendapati sokongan yang diterima melalui komuniti pembelajaran dan bimbingan mentor memberi kesan positif terhadap kompetensi guru baharu dan memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan profesional dan kesejahteraan psikologi mereka.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh *Learning Forward* (2022) mendapati guru baharu yang mendapat sokongan daripada mentor yang berpengalaman lebih cenderung untuk kekal dalam profesion pendidikan berbanding mereka yang tidak mendapat bimbingan sedemikian. Mentor berperanan sebagai pembimbing dalam membantu guru baharu menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah, menangani cabaran pengajaran, dan membina keyakinan diri dalam bilik darjah.

Satu kajian sokongan guru baharu di waktu pandemik Covid 19 telah dijalankan oleh Siti et.al (2022) dan dapatan kajian menunjukkan beberapa daripada mereka berjaya menyesuaikan diri dengan lebih baik melalui sokongan yang diterima daripada rakan sekerja

dan mentor. Guru yang menerima bimbingan daripada mentor berpengalaman lebih cepat menyesuaikan diri dengan cabaran pengajaran dalam talian

Kajian oleh Juairiah (2020) berkenaan Pementoran dalam Program Pembangunan Guru Baharu mendapati mentor memainkan peranan penting dalam memberikan bimbingan kepada guru baharu dan berfungsi sebagai sokongan utama yang membantu guru baharu dalam aspek pengurusan kelas, perancangan pengajaran, serta menangani cabaran emosi dan sosial yang timbul. Guru baharu yang mendapat sokongan dalam bentuk bimbingan emosi berasa lebih dihargai dan diterima dalam persekitaran sekolah, yang seterusnya meningkatkan keyakinan diri mereka dalam menjalankan tugas. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa melalui program pementoran, guru baharu dapat mengembangkan kemahiran pengajaran mereka dengan lebih cepat.

Kajian oleh Norasmah dan Siti (2019) berkaitan pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti Program Induksi Sistem Guru Baharu mendapati mentor memainkan peranan penting dalam membimbing guru baharu untuk menangani cabaran bilik darjah. Seterusnya mentor yang aktif memberikan sokongan moral dan nasihat akan dapat membantu guru baharu mengatasi tekanan dalam menguruskan bilik darjah. Hubungan yang rapat antara mentor dan guru baharu meningkatkan keyakinan mereka dalam menggunakan strategi pengurusan bilik darjah.

Kajian oleh Osman et al. (2022) berkenaan Keberkesanan Bimbingan Pembangunan Profesionalisme Guru Baharu menunjukkan bahawa keberkesanan sesebuah program pembangunan profesionalisme guru baharu adalah dipengaruhi oleh tahap penguasaan kemahiran dan pengalaman guru mentor yang membimbing. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman dan kemahiran guru mentor yang bersesuaian dengan keperluan latihan amat mempengaruhi keberkesanan program pembangunan profesionalisme guru baharu di sekolah. Oleh itu, dicadangkan agar Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan kriteria yang lebih kritis dalam pemilihan guru mentor bagi memastikan bimbingan yang diterima oleh guru baharu datang dari guru mentor yang benar-benar berkesan.

KESIMPULAN

Dapatan-dapatan dari kajian yang dinyatakan di atas membuktikan bahawa sokongan mentor adalah salah satu mekanisme sokongan yang paling berkesan untuk meningkatkan profesionalisme guru baharu. Program mentoring yang terancang bukan sahaja membantu guru baharu mengatasi cabaran awal, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan profesional dan kepuasan kerja mereka. Namun, pelaksanaan program ini memerlukan komitmen sumber dan kerjasama semua pihak untuk memastikan impak yang maksimum.

RUJUKAN

- Ahmed, G., Faizi, W. U. N., & Akbar, S. (2020) *Challenges of Novice Teachers and Strategies to Cope at Secondary Level. Global Regional Review, V(I), 403-416.*
- Abdul Rahim, A. F., & Mohd Yusof, N. H. (2021). Sokongan emosi dan profesional terhadap guru novis di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 46(2), 45*

- Johnson, B., & Downie, Z. (2018). Building resilience in novice teachers: The role of mentoring programs. *Journal of Teacher Education*, vol. 69, no. 4, 2018, pp. 321–335.
- Kaplan H (2022) The unique effects of supporting beginning teachers' psychological needs through learning communities and a teacher-mentor's support: A longitudinal study based on self-determination theory. *Journal Frontiers in Psychology* 25 October 2022 Sec. Educational Psychology Volume 13 - 2022
- Learning Forward*. (2022). *Study explores mentoring's connection to new teacher retention*. Learning Forward. Retrieved from <https://learningforward.org/study-explores-mentorings-connection-to-new-teacher-retention>
- Marjonet, J., Abu Bakar Ah, S. H., & Omar, N. (2020). Pementoran dalam program pembangunan guru baharu Kementerian Pendidikan Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(2), 79–95.
- Mohd Razali, S. N. H., & Mohd Hamzah, M. I. (2022). Pengalaman guru novis dalam pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(2), 15–28.
- Osman, Ariff Hidayat; Mokhtar, Mahani(2022) Keberkesanan Bimbingan Pembangunan Profesionalisme Guru Baharu Di Sekolah Berdasarkan Pengalaman Guru Mentor. *Jurnal Dunia Pendidikan*, v. 4, n. 1, p. 394-409. ISSN 2682-826X.
- Smith, T., & Ingersoll, R. (2020). Mentoring novice teachers: A pathway to improved retention and professional growth. *Teaching and Teacher Education*, vol. 89, 2020, p. 102.
- Erawan, P. (2019). The needs analysis of supporting beginning teachers in schools in remote rural areas. *Journal of Teacher Education and Educators*, 8(2), 115–129.